

DATE: 19/03/2008

Ketua Pembangkang pertama wanita

Um - 19/3/2008

PUTRAJAYA 19 Mac - Pakatan parti pembangkang bersetuju mencadangkan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail untuk menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen sejajar dengan kedudukan parti tersebut mempunyai kerusi paling banyak.

Ini sekali gus bakal menjadikan Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh sebagai wanita pertama



WAN AZIZAH

memegang jawatan Ketua Pembangkang menggantikan Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang.

Bagaimanapun, jawatan itu akan diambil alih oleh Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekiranya beliau melepasi halangan untuk bertanding dalam pilihan raya kecil dan menang.

Pelantikan Wan Azizah disokong oleh Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Anwar dalam satu mesyuarat malam tadi.

Dalam satu kenyataan bersama, ketiga-tiga pemimpin utama parti pembangkang itu memberikan jaminan untuk melaksanakan hasrat rakyat yang telah memilih mereka pada pilihan raya umum lalu.

"Kami bersetuju mencadangkan Wan Azizah yang mewakili parti pembangkang terbesar di Parlimen ke-12, sebagai Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia yang baru, sehingga Anwar layak bertanding untuk kerusi Parlimen.

"Kami bersetuju bahawa kerjasama yang lebih erat perlu dipertingkatkan secara serius dengan mengambil kira hasrat rakyat untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri yang baru dan boleh membawa perubahan-perubahan besar kepada rakyat," kata kenyataan itu di sini hari ini.